



## **UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA KERAJAAN  
NEGERI: REFORMASI PENYALURAN BANTUAN AM NEGERI**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT (KPWKM)**

**16 OKTOBER 2024 (RABU) | 10.00 PAGI |  
DEWAN PERDANA NUR, KPWKM**

## **SALUTASI**

1. Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

**SALUTASI DISEDIAKAN**

## **UCAPAN ALUAN**

Assalamualaikum WBT.

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul dalam majlis pada pagi ini. Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan atas kesempatan serta jemputan untuk bersama-sama dalam program pada hari ini.

3. Pertamanya, syabas saya ucapkan kepada Bahagian Akaun, KPWKM dengan kolaborasi daripada semua Bahagian dan agensi KPWKM yang telah memberi sokongan padu dalam pelbagai aspek bagi menjayakan program ini.
  
4. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran pihak YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB

Pegawai Kewangan Negeri, YBhg Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan mewakili semua agensi Persekutuan dan Negeri ke majlis ini.

5. Program pada pagi ini diadakan khusus untuk **meraikan kejayaan** dan **menzahirkan penghargaan** Kementerian kepada semua pihak yang terlibat dalam **kolaborasi strategik** antara **Kerajaan Persekutuan** dan **Kerajaan Negeri** yang telah berjaya melaksanakan integrasi **Sistem**

**Pengurusan Bantuan Kebajikan (SPBK)** juga dikenali sebagai Sistem **eBantuanJKM**, yang merupakan sistem 'online' yang mempunyai pangkalan data penerima bantuan, diwujudkan bagi memudahkan proses pengurusan bantuan, pemantauan serta pengumpulan statistik di peringkat JKM, **dengan** Sistem **iSPEKS iaitu sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri** yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melibatkan **11 buah negeri**.

## AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Dalam merealisasikan misi KPWKM untuk membangun masyarakat sejahtera secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebajikan produktif, Kerajaan Perpaduan prihatin dengan kaedah **penyaluran bantuan yang telus dan berintegriti** kepada kumpulan sasar. Justeru, inisiatif yang



dilaksanakan oleh JKM dengan kerjasama dan sokongan padu daripada JANM dan Kerajaan Negeri ini adalah sangat bertepatan dengan hasrat dan halatuju Kerajaan supaya penyampaian perkhidmatan sektor awam diberi satu **anjakan islah** atau **penambahbaikan berterusan** terhadap landskap penyampaian perkhidmatan awam, selaras dengan hasrat untuk **mereformasikan perkhidmatan awam** **agar** lebih pantas, tangkas dan dinamik di **semua peringkat,**

tidak kira sama ada di desa, pekan, daerah, bandar atau di bandar raya.

7. Ia juga selari dengan teras kedua perlindungan sosial yang ditetapkan oleh MySPC yang telah diaktifkan semula pada thn 2023 dan jawatan kuasa yg terlibat dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri, iaitu pemerkasaan penyampaian perkhidmatan dan pengurusan sumber perlindungan sosial.

8. Ini membuktikan bahawa KPWKM, Jabatan dan agensinya sentiasa berusaha mengorak langkah maju ke hadapan, dalam usaha menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran. Ini selari dengan hasrat YAB Perdana Menteri tentang **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam** di Malaysia melalui **tiga (3) ikhtiar** iaitu **pertama** meningkatkan kadar produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam, **kedua** meningkatkan kesediaan penjawat awam dalam melaksanakan

perubahan dan **ketiga**, meningkatkan daya saing negara.

9. Justeru, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** dengan sokongan padu daripada **Jabatan Akauntan Negara (JANM)** dan **Kerajaan Negeri** serta semua pihak yang terlibat yang telah berusaha keras menjayakan

kolaborasi strategik dalam **mengintegrasikan** dua sistem di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri ini.

10. Selari dengan Hala Tuju Model Baharu Bantuan Sosial iaitu “kesegeraan pemprosesan permohonan bantuan dengan melakukan penambahbaikan proses dan prosedur permohonan bantuan sosial bagi mengurangkan karenah birokrasi”, pelaksanaan integrasi ini telah mempercepatkan proses bayaran kepada

penerima Bantuan Am Negeri bagi 11 buah negeri yang terlibat.

11. Ia juga menjadikan proses penyaluran Bantuan Am Negeri lebih telus kerana data penerima bayaran dari sistem eBantuan terus dibuat bayaran melalui sistem iSPEKS kepada akaun penerima bantuan secara antara muka kedua sistem tanpa melibatkan **intervensi manual**.

Pelaksanaan integrasi ini telah melancarkan lagi penyaluran bantuan kepada kumpulan sasar.

12. Berdasarkan rekod JKM, sehingga Ogos 2024 terdapat sejumlah 543,008 penerima bantuan JKM seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut, seramai 90,559 orang (16.7%) adalah penerima Bantuan Am Negeri dan 59,838 (11%) dibayar melalui iSPEKS.

13. Inisiatif ini merupakan satu contoh transformasi penyampaian perkhidmatan awam berasaskan kepada pendekatan **keseluruhan kerajaan secara bersepadu dan merentas agensi** dengan membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam sektor awam. Kerajaan Perpaduan sentiasa menyokong dan mempergiat revolusi digital dalam sektor awam dalam membina ekosistem yang dapat merancakkan ekonomi berteraskan digital dan meningkatkan daya saing negara



di rantau Asia Tenggara dan persada dunia. Saya percaya lebih banyak reformasi sebegini boleh difikirkan dan dilaksanakan di KPWKM, di mana proses kerja sedia ada boleh dibuat penambahbaikan dan dijalankan secara yang optima melalui proses yang lebih teratur dengan mengadaptasi pendigitalan dan kemajuan teknologi semasa.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri, Dato' Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang telah memberi sokongan jitu merealisasikan kejayaan pelaksanaan integrasi Sistem eBantuanJKM dan iSPEKS dalam mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan proses penyaluran Bantuan Am Negeri oleh Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM) di samping memastikan proses penyaluran Bantuan Am Negeri yang lebih lebih sistematik, efisien dan berintegriti.

15. KPWKM akan terus berusaha merangka dan menyelaraskan pelaksanaan dasar dan strategi bantuan sosial merentasi Kementerian/ Jabatan/ Agensi. selaras dengan peranan KPWKM sebagai urusetia Jawatankuasa Kerja Bantuan Sosial (JKSA).

16. Bagi pihak Kementerian, saya amat berharap agar kolaborasi sebegini akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalammuallaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh